

Oleh **Muhammad Ramadani Suhaimi**



Ahli panel dan peserta program Minggu Karyawan Muda 2021, anjuran DBP Cawangan Sarawak.

Karyawan Muda, KHAZANAH NEGARA

Kuching- Pada 12 hingga 14 Februari 2021, Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak (DBPCS) telah menganjurkan Minggu Karyawan Muda 2021 bertempat di Hotel Penview Inn, Kuching, Sarawak dengan penyertaan peserta sebanyak 20 orang. Program tersebut menggantikan Minggu Penulis Remaja yang dianjurkan sebelum ini, dan pengisiannya bertambah baik bagi meningkatkan mutu para penulis yang sedia ada dan baharu. Para peserta yang terlibat terdiri daripada mereka yang menunjukkan minat bersungguh-sungguh dalam bidang sastera dan penulisan kreatif. Walaupun segelintir daripada mereka merupakan penulis pemula, namun mereka begitu berbakat besar. Program ini juga menampilkan para penulis dalam kalangan penulis Sarawak yang telah memenangi penulisan peringkat Gabungan Persatuan Penulis Nasional (GAPENA) dan negeri.



“Program seperti ini sewajarnya diadakan sebagai batu loncatan kepada penulis muda untuk membentuk bakat, sekali gus mengasah serta menggilapkan lagi bakat yang ada pada mereka agar karya mereka mampu diketengahkan di pentas karyawan global.” - Ramadani

Mohd Faizal Jamil selaku ketua projek menyatakan bahawa program ini merupakan salah satu platform bagi mencungkil bakat penulis muda. Tujuannya adalah untuk menjentik semangat penulis, di samping mengasahkan bakat yang sedia ada. Objektif Minggu Karyawan Muda juga menasaskan matlamat agar penulis bergiat aktif dalam berkarya dan mampu berdaya saing dengan penulis mapan pada masa ini dan akan datang. Tegas Faizal lagi, sejajar dengan matlamat program ini, para penulis mapan seharusnya memberikan bantuan dari segi pembekalan idea yang bermutu dan berkongsi kepada penulis pemula atau baharu agar mereka mampu menghasilkan karya yang matang.

Antara slot yang diisi oleh peserta dalam program ini adalah sesi bersama-sama Pengarah DBPCS, iaitu Abang Haliman Abang Julai. Pada pertemuan itu, para peserta mengambil peluang untuk berdialog dengan beliau. Abang Haliman sangat berharap agar para peserta terus menghasilkan karya yang baik dalam menyampaikan mesej kepada masyarakat dengan menyelitkan unsur nasihat dan nilai murni dalam karya.

Sesi seterusnya diambil alih oleh Mohd Faizal Jamil. Beliau menerangkan kepada para peserta bagaimana hendak menghasilkan cerpen yang bermutu dan baik. Antara yang dikongsi oleh beliau, setiap penulis harus menamatkan ceritanya setelah memulakan penulisan cerpen. Buang sikap atau tabiat bertangguh-tangguh dalam menyiapkan sesebuah karya.

Selepas itu, topik berkaitan dengan penerbitan karya telah disampaikan oleh Shamsul Idzam Jamil. “Apabila menghantar karya kepada penulis, jangan sesekali penulis e-melkan karya tersebut kepada banyak penerbit,” kongsi beliau lagi. Hal ini penting untuk disampaikan kepada penulis pemula khususnya, agar nama mereka tidak disenarai hitamkan oleh penerbit di luar sana. Slot yang ditunggu-tunggu adalah sesi membedah karya. Para peserta mengambil peluang untuk berkongsi idea dan pendapat bagi membincangkan berkaitan dengan karya masing-masing.

Pada slot terakhir, peserta berkesempatan bertemu muka dengan penulis muda Sarawak yang kini mendapat tempat dalam bidang persuratan tempatan, iaitu Nur Azshielda Sahran atau nama penanya, Shield Sahran. Tidak dinafikan bahawa penulisan beliau amat luar biasa sehingga para peserta yang lain memberikan sepenuh perhatian semasa sesi perkongsian idea dengan beliau.

“Penulis sedia ada dan yang baharu merupakan khazanah negara,” ujar Muhammad Ramadani Suhaimi dalam rumusan beliau sebagai mewakili peserta program tersebut. Tambahnya lagi, program seperti ini juga merupakan platform yang baik bagi memberikan peluang kepada penulis dalam menghasilkan dan berkongsi karya mereka dengan para peserta lain. Program seperti ini sewajarnya diadakan sebagai batu loncatan kepada penulis muda untuk membentuk bakat, sekali gus mengasah serta menggilapkan lagi bakat yang ada pada mereka agar karya mereka mampu diketengahkan di pentas karyawan global. -**tx**